

12 JUL 2003

MCA-Adun (Bergambar)

KEPUTUSAN TARIK BALIK PENGGANTUNGAN DIBINCANGKAN DENGAN BN

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini berkata parti itu mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum membuat keputusan menarik balik pada Khamis lepas penggantungan dua Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang.

Ong berkata beliau sendiri telah menemui Dr Mahathir bagi mendapatkan pandangan beliau (Dr Mahathir) terlebih dahulu sebelum perkara itu dibawa kepada Mesyuarat Majlis Presiden MCA Khamis lepas, yang kemudiannya bersetuju menarik balik penggantungan terhadap kedua-dua ADUN berkenaan.

Keanggotaan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) digantung sejak 16 Dis tahun lepas.

"Beliau (Dr Mahathir) bersetuju, saya memaklumkan perkara itu kepada Perdana Menteri sebelum MCA (Majlis Presiden) bermesyuarat. Memang saya maklum dan mendapat pandangan Pengerusi BN, takkan saya buat sesuatu tanpa berunding," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku bertajuk "Shui Qing Shi Zi Jian" (The Rock Are Visible In The Clear Water) di Wisma MCA di sini.

Buku karangan bekas setiausaha politik kepada Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Loh Seng Kok mengandungi koleksi artikel yang ditulis Loh mengenai pendapat dan pandangannya terhadap isu semasa.

Ong diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa beliau tidak akan membantah keputusan MCA menarik semula penggantungan keanggotaan Lim dan Tan jika ia telah dirundingkan dengan BN negeri.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN pusat berkata MCA seharusnya memahami bahawa keputusan untuk menggantung keanggotaan kedua-dua Adun itu dibuat oleh BN dan sebarang keputusan untuk mengubahnya perlu dirujuk kepada perikatan itu, terutamanya di peringkat negeri.

"Saya menghormati kenyataan Pak Lah (Abdullah) dan apabila membuat keputusan ini (menarik balik penggantungan), MCA telah mengambil tindakan menulis surat kepada pucuk pimpinan tertinggi BN termasuk Pengerusi BN, Timbalan Pengerusi BN dan juga Setiausaha Agung BN," katanya.

Beliau berkata salinan surat itu juga ditujukan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, merangkap pengerusi BN Pulau Pinang.

"Surat bertarikh semalam telah dikeluarkan, mungkin ambil masa untuk sampai dan pada masa yang sama juga, saya memaklumkan perkara ini kepada Tok Mat (Tan Sri Mohamad Rahmat) dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik secara peribadi melalui telefon," katanya.

Ong berkata keputusan untuk menghubungi Mohamad dan Dr Lim dibuat kerana pada hari itu, Dr Koh masih berada di Jepun untuk lawatan rasmi dan beliau tidak sempat untuk bercakap dengannya mengenai perkara itu.

"Saya juga cuba hubungi beliau pagi ini setelah dimaklumkan Dr Koh telah kembali ke Pulau Pinang tetapi dimaklumkan beliau sedang menghadiri majlis sambutan ulangtahun ke-65 Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas," katanya.

Semasa ditanya sama ada beliau menjangkakan sebarang masalah daripada parti-parti komponen BN berikutan keputusan menarik balik penggantungan kedua-dua Adun itu, Ong berkata beliau yakin semangat sebenar BN akan terserlah sekiranya semua pihak menerima keputusan itu dengan baik.

Beliau juga melahirkan keyakinannya bahawa kedua-dua Adun itu akan berpegang kepada prinsip BN selepas ini dan mereka berdua juga telah

dinasihatkan supaya bekerja sebagai satu pasukan serta akur kepada kepimpinan BN negeri.

"Saya rasa kita perlu bergerak ke depan, jalin hubungan lebih erat dan apa yang telah berlaku, kita tidak mahu ia berulang lagi," katanya.

Semasa ditanya mengenai perkembangan jawatankusa parti yang dilantik oleh beliau dan timbalannya, Datuk Chan Kong Choy untuk menyelesaikan masalah dalaman pergerakan Pemuda, Ong berkata perkara itu berjalan lancar.

Bagaimanapun, beliau yakin penyelesaian akan dapat dicapai dalam perkara berkaitan jawatan Ketua Pemuda negeri di Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.

"Dengan semangat dan suasana baru dalam MCA, kami akan mencapai persetujuan tidak lama lagi," kata beliau.

-- BERNAMA

AT MFJ ROS